

DATE: 01/02/2008

PM bayangkan pilihan raya makin hampir

KUALA LUMPUR: "(Saya) sudah dekat nak umumkan," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membayangkan Pilihan Raya Umum Ke-12 sudah semakin hampir.

Perdana Menteri berkata demikian sambil tersenyum apabila ditanya pemberita sama ada beliau sudah mendapat ilham untuk mengumumkan tarikh pilihan raya umum.

“*Saya sudah
dekat nak
umumkan*”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Mengenai kenyataan pemimpin Barisan Nasional (BN) termasuk Menteri Besar dan Ahli Parlimen yang menyuarakan hasrat untuk mempertahankan kerusi atau mengundur diri pada pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata beliau tidak pernah menghalang mereka membuat kenyataan.

"Pada akhirnya, saya sendiri yang akan membuat keputusan sia-

pa yang akan dipilih," katanya selepas merasmikan pusat beli-belah Pavilion di sini, semalam.

Ditanya sama ada kenyataan sebegitu akan diambil kira, Abdullah berkata, beliau mempunyai banyak perkara yang lebih baik untuk diambil kira.

Beliau juga berkata, BN akan memilih calon yang bersih dan berwibawa untuk berkhidmat kepada rakyat.

Mengenai permintaan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) serta parti pembangkang untuk bertemu-nya bagi membincangkan pelbagai isu semasa di dalam negara, Abdullah berkata, beliau akan berjumpa NGO berkenaan.

Perdana Menteri juga berkata, isu Badan Bertindak Hak Hindu (Hindraf) mungkin hanya memberi kesan sedikit terhadap sokongan kaum India kepada BN.